

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB
[PULAI]**

TARIKH : 21 JULAI 2020

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status pelan penyatuan tanah sawah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penyatuan tanah akan memastikan pengurusan sawah lebih cekap dengan ladang bersaiz ekonomi (*economic of scale*) memandangkan sesetengah sawah yang diusahakan kini dalam skala kecil yang menyukarkan pengurusan secara berkesan. Pendekatan ini akan membantu hasrat Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti hasil dan sekaligus manfaat daripadanya dapat diraih oleh tuan tanah dan pesawah yang terlibat serta pihak Kerajaan dalam aspek pengoptimuman sumber dan kapasiti. Faktor kejayaan utama bagi penyatuan tanah adalah penerimaan pesawah dan tuan tanah terlibat. Sekiranya sokongan diperoleh daripada pemilik tanah dan pesawah terhadap cadangan ini maka model yang diperkenalkan akan dapat dilaksanakan dengan baik dan lancar.

2. Ketika ini Kerajaan mengambil pendekatan untuk menjenamakan projek ini sebagai Sawah Berskala Besar (SBB) yang disasarkan akan bermula pada tahun 2021 serta dilaksanakan secara berperingkat. Konsep projek SBB ini melibatkan penyatuan pengurusan tanah tanpa

sebarang pengambilalihan atau pertukaran hak milik tanah pesawah. Beberapa entiti swasta telah dikenal pasti sebagai penggerak utama kepada projek ini. Entiti swasta ini berperanan sebagai *service provider* di sepanjang rantai penanaman padi dengan membabitkan sasaran keluasan 10,000 hektar.

3. Selain itu, Kementerian melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) juga telah melaksanakan program estet padi. Sebanyak tiga model pengurusan penanaman padi secara berpusat telah dilaksanakan iaitu model Estet Padi Secara Korporat, Estet Padi Ahli dan Estet Padi Secara Penyatuan Tanah. Program estet padi ini bertujuan bagi menyatukan tanah-tanah pesawah dalam satu kawasan pengeluaran yang luas dan tersusun serta diuruskan secara pengurusan berpusat oleh PPK dari segi pembekalan baja, racun, benih, perkhidmatan kejenteraan ladang, pemasaran dan lain-lain. Setakat ini, program estet padi telah disertai seramai 22,940 orang pesawah dengan keluasan sawah sebanyak 46,359.50 hektar dengan hasil musim 2/2018 direkodkan sebanyak 111,045.65 metrik tan di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.